

25 OCT 1996

Rahim-Konsert

JANGAN TIMBUL KETEGANGAN BERHUBUNG KONSERT MICHEAL JACKSON

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor mengingatkan mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan membenarkan konsert Micheal Jackson supaya tidak menimbulkan sebarang ketegangan.

Konsert itu dijadualkan berlangsung di Stadium Merdeka di sini pada Ahad dan Selasa ini.

Abdul Rahim berkata dalam negara demokrasi sememangnya ada pihak yang tidak bersetuju dengan sesuatu keputusan kerajaan atau pihak berkuasa tetapi mereka juga mesti menghormati kepentingan orang lain.

"Janganlah kerana marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Mereka mungkin tidak suka, tapi orang lain suka. Hormatilah selera orang lain. Jangan kerana menegakkan pandangan kita, kepentingan orang lain terjejas," katanya.

Beliau berkata mereka harus ingat bahawa permit untuk konsert itu telah diberikan dan ia boleh dijalankan daripada segi undang-undang dan bantahan mereka tidak seharusnya sampai menimbulkan ketegangan kepada ketenteraman awam.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri upacara penyerahan 14 buah Pajero Peronda Lebuhraya oleh PLUS kepada Polis Diraja Malaysia di Pusat Latihan Polis di Jalan Semarak di sini pagi ini, Abdul Rahim juga menyatakan keyakinannya mengenai kemampuan polis untuk membuat kawalan orang ramai dengan baik semasa konsert itu.

Beliau juga yakin rakyat negara ini tidak akan meimbulkan sebarang masalah kerana umumnya rakyat di sini berdisiplin dan bertertib.

"Cuma bagi yang taksud kita tak boleh buat apa. Saya ingin menyeru janganlah kerana Micheal Jackson, kita sampai hilang ingatan, hilang dunia atau hilang akal. Kalau nak tengok, tengoklah," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa sekiranya penonton konsert itu menimbulkan masalah, ia akan menjadi konserta terakhir di negara ini yang membabitkan artis luar.

Sementara itu Abdul Rahim berkata PDRM sedang dalam peringkat penyenggaraan dengan Kementerian Pertahanan berhubung pemberian kuasa polis kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berhubung tangkapan pendatang asing.

Beliau berkata penyelarasan ini penting kerana AP yang diberikan perlu disertai dengan syarat serta peraturan tertentu seperti aspek berhubung kawasan operasi, koordinasi dan pembahagian kerja.

Baru-baru ini Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar berkata ATM akan diberi kuasa tambahan kepolisan untuk membantu polis dalam operasi bersama mencegah kemasukan pendatang asing ke negara ini.

Abdul Rahim berkata ini bertujuan melancarkan perjalanannya di samping membendung sebarang kekeliruan atau penindihan tugas yang akhirnya akan menjejaskan keberkesanan tindakan mereka.

Katanya butira lanjut mengenai perkara itu sedang disiapkan dan akan dikuatkuasa tidak lama lagi.

Beliau berkata polis sendiri yang telah menyarankan supaya ATM membantu tugas-tugas berhubung kehadiran pendatang asing ini dan mereka sememangnya mampu serta bersedia menghulurkan bantuan.

"Kita nampak ATM mampu menyumbang tenaga supaya masalah pendatang dapat kita atasi dengan lebih berkesan, Sebelum ini ATM tidak terbabit secara langsung dalam pencegahan pendatang," katanya.

-- BERNAMA

AZH NMO